

Pengajian Tinggi, Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan: Satu Ulasan Buku

(Democratization, Commercialization and Internationalization of Higher Education: A Book Review)

Abdul Rashid Abdul Aziz^{1*}, Mohd Yahya Mohamed Ariffin²

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: rashid@usim.edu.my

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: mohdyma@usim.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini mengulas sebuah buku yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya (tahun 2022) karya penulis tersohor Dato Dr Qasim Ahmad. Naskhah setebal 607 halaman ini sarat dengan pengisian dalam membangunkan ilmu berkaitan aspek pengurusan dan pentadbiran institusi pengajian tinggi di Malaysia mendepani isu-isu seperti pengajaran, pembelajaran, penulisan dan penyelidikan. Perbincangan di dalam buku ini berkisar kepada tiga fokus utama iaitu pendemokrasian, pengkomersialan dan pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara. Dua belas bab di dalam buku ini meliputi pengenalan, konsep sebuah universiti, *anekaversiti?*, pendemokrasian, pengkomersialan, pengkorporatan, autonomi dan akauntabiliti, pengantarabangsaan, faedah dan cabaran, pendidikan transnasional, isu bahasa Inggeris, serta tinta akhir bicara sebagai konklusinya (Qasim, 2022). Isu-isu pendidikan dan pengasasan sesebuah institusi pengajian tinggi di Barat (terutamanya di United Kingdom dan Amerika Syarikat) turut dibandingkan dengan universiti di Malaysia. Melalui analisis kritis yang telah dijalankan terhadap buku ini, terdapat lapan (8) intipati penting yang perlu dititik beratkan dalam mentadbir urus institusi pengajian tinggi di Malaysia iaitu peranan universiti sebagai pusat latihan dan pendidikan graduan, penerapan nilai agama di institusi pengajian tinggi, mengenal pasti cabaran utama institusi pengajian tinggi, pemerksaan pendidikan vokasional, pendemokrasian institusi pengajian tinggi, peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan masyarakat, serta pengkorporatan dan pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Buku ini amatlah berguna dan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pentadbir universiti, penggubal dasar pendidikan,

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Abdul Rashid Abdul Aziz
(rashid@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Pendemokrasian
Pengkomersialan
Pengantarabangsaan
Pengajian tinggi

KEYWORDS:

Democratization
Commercialization
Internationalization
Higher education

CITATION:

Abdul Rashid Abdul Aziz, & Mohd Yahya Mohamed Ariffin. (2024). Pengajian Tinggi, Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan: Satu Ulasan Buku. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), e002879. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2879>

pemimpin universiti, ahli akademik, Kementerian Pengajian Tinggi serta kerajaan dalam menaik taraf kedudukan institusi pengajian di Malaysia ke suatu martabat yang lebih tinggi.

ABSTRACT

This article reviews a book published by Universiti Malaya Publishers (year 2022) by the famous writer Dato Dr Qasim Ahmad. This 607-page document is loaded with information on developing knowledge related to the management and administration aspects of higher education institutions in Malaysia dealing with issues such as teaching, learning, publication and research. The discussion involves three main focuses, namely democratization, commercialization and internationalization. The twelve chapters in this book cover the introduction, the concept of a university, diversity?, democratization, commercialization, corporatization in Malaysia, autonomy and accountability, internationalization, benefits and challenges, transnational education, English language issues, and the final chapter as a conclusion. The issues of education and the development of a higher education institution in the West (especially in the United Kingdom and the United States) was compared with a university in Malaysia. Through the critical analysis that has been carried out, there are eight (8) important essences that need to be emphasized in managing higher education institutions, namely the role of the university as a training and education center for graduates, the application of religious values, identifying the main challenges of higher education institutions, empowerment of vocational education, democratization of higher education institutions, role of higher education institutions in community development, as well as corporatization and internationalization of higher education institutions in Malaysia. This book is very useful and can be used as a reference for university administrators, educational policy makers, university leaders, academics, the Ministry of Higher Education and the government in upgrading the position of educational institutions in Malaysia to a higher status.

Sumbangan/Keaslian: Ulasan buku ini telah menyumbang kepada penemuan elemen-elemen penting yang perlu dititik beratkan dalam mentadbir urus institusi pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu, ia juga telah memperincikan tiga fokus utama perbincangan berkaitan pendemokrasian, pengkomersialan dan pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara melalui penulisan buku karya [Qasim \(2022\)](#).

1. Pengenalan

Pendidikan adalah bertujuan untuk mengembangkan potensi dan membina jati diri seseorang. Untuk tujuan itu, universiti memainkan peranan sebagai gedung ilmu yang dipenuhi dengan jentera-jentera canggih dalam kalangan akademik bagi menjalankan fungsi bukan sahaja mendidik, malah melahirkan patriot negara-bangsa yang perkasa dan

membangun secara holistik. Pada dasarnya, evolusi sistem pendidikan pengajian tinggi Malaysia sejak kemerdekaan melalui siri perubahan yang luar biasa dan transformasi pesat ini berlaku apabila negara berusaha untuk mencapai piawaian sistem pendidikan yang lebih baik (Mohd Zulfakar, 2021). Ini terbukti melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia yang dibuat secara berfasa dalam usaha mengangkat kualiti pendidikan tinggi di Malaysia serta melahirkan generasi masa depan negara dengan nilai, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya bagi memartabatkan kedudukan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi di persada antarabangsa (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2023).

Perubahan landskap dunia pengajian tinggi hari ini telah dipacu oleh kemajuan pesat dalam bidang teknologi maklumat, kedinamikan sistem pengangkutan awam, perubahan demografi, perkembangan ekonomi dan mobiliti sosial dalam masyarakat di seluruh dunia (Qasim, 2022). Qasim (2022) turut menyatakan bahawa istilah pendemokrasian, pengkomersialan dan pengantarabangsaan merupakan hal yang sering diperkatakan tentang pengajian tinggi masa kini. Secara asasnya, pendemokrasian bermaksud perluasan akses ke universiti untuk semua golongan masyarakat, tidak tertumpu kepada golongan atasan atau menengah semata-mata. Perluasan akses ini telah membolehkan lebih ramai lepasan sekolah menginjak kaki ke 'menara gading' dan seterusnya membuka peluang pekerjaan yang lebih baik kepada rakyat.

Hakikatnya, pendemokrasian pengajian tinggi telah berupaya membuahkan kegiatan pengkomersialannya yang tersendiri. Pengkomersialan kini menjadi antara tunggak utama yang membawa visi pusat pengajian tinggi dalam melahirkan produk atau komoditi yang boleh dipasarkan secara global. Selain daripada pengurangan subsidi kepada para pelajar, banyak kerajaan di dunia kini telah mengurangkan bantuan kewangan kepada universiti. Justeru, hal ini telah mendorong pihak universiti mengatur strategi mendapatkan dana sendiri bagi memastikan 'survival' serta fungsi pusat agung ilmu ini kekal relevan. Dengan pertambahan jumlah pelajar dan peningkatan kadar yuran, maka tidak hairanlah jika angka enrolmen penghuni menjadi faktor penting dalam menentukan kedudukan kewangan bagi sesebuah universiti sekaligus memenuhi tuntutan komersialisasi.

Konsep pengantarabangsaan pengajian tinggi pula selaras dengan istilah 'dunia tanpa sempadan' atau 'dasar langit terbuka' yang sinonim dengan akses ilmu dan akreditasi bersifat global. Ekoran itu, jumlah para pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat universiti tidak lagi terhad di dalam negara sahaja dan berlaku penghijrahan tenaga akademik untuk berkhidmat di luar negara. Di samping itu, berlaku percambahan dalam platform untuk membekalkan sesuatu program akademik dari institusi pengajian tinggi di sesebuah negara kepada universiti mahupun penuntut di negara lain. Dalam konteks ini, pelajar antarabangsa seperti juga pelajar domestik adalah pelanggan dan produk untuk institusi pengajian tinggi. Secara khususnya, objektif penulisan ini adalah untuk membuat ulasan dan analisis kandungan buku Pengajian Tinggi: Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan secara kritis dan menyeluruh.

2. Ulasan dan Perbincangan

2.1. Konsep Sebuah Universiti

Bab awal ini membincangkan tentang konsep dan peranan sebuah universiti daripada aspek Barat, dunia Islam dan di Malaysia. Umumnya, universiti boleh ditakrifkan sebagai

pengajian pasca sekolah tinggi. Pusat ilmu ini menempatkan sekelompok besar belia yang akan menjadi tunggak utama ekonomi dan sosio-politik negara pada masa hadapan. Ini kerana, apabila pelajar telah bergraduasi, mereka dengan mudah akan disantuni oleh pelbagai peluang di sektor pekerjaan. Universiti juga dilihat sebagai tempat menuntut ilmu, mempertajamkan minda seseorang, menghasilkan siswazah yang berketerampilan dan berhemah tinggi untuk melahirkan warganegara yang lebih pintar dan bertanggungjawab demi kesejahteraan negara. [Qasim \(2022\)](#) juga turut memperihalkan kedudukan universiti di Barat yang dipandang tinggi di mata masyarakat melalui falsafah [Newman \(1852\)](#) berkaitan akan perlunya ilmu pengetahuan dituntut khusus berasaskan kepentingan dan keunggulan ilmu itu. Ia tidak seharusnya dijadikan sebagai sesuatu yang berunsurkan *utilitarian*, misalnya sebagai alat untuk mendapatkan pekerjaan semata-mata. Di United Kingdom, di negara-negara bekas jajahan Inggeris dan di negara-negara yang bahasa utamanya adalah bahasa Inggeris, pemikiran ala [Newman \(1852\)](#) ini dianggap banyak mempengaruhi pemahaman umum tentang konsep universiti.

[Qasim \(2022\)](#) turut merakamkan visi yang telah digariskan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu '*mendahului langkah masyarakat dan zamannya*' bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia. Hala tuju ini dilandaskan kepada nilai yang menjunjung 'kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti. Sentimen dan hasrat murni ini turut terpahat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjelaskan bahawa "pendidikan di negara ini merupakan suatu usaha berterusan bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara".

Perbincangan seterusnya adalah tertumpu kepada pendidikan tinggi dalam konteks dunia Islam. Menariknya apabila [Qasim \(2022\)](#) melontarkan fakta dari sudut pandang dunia Islam yang lebih awal menerajui sistem pengajian universiti dan perbandingannya dengan universiti-universiti di Eropah. Sebagai contoh, dalam tradisi Arab-Islam, sesebuah universiti biasanya dibangunkan dan diterajui oleh seorang alim atau sheikh yang berwibawa dan diiktiraf tahap keilmuannya. Ia diasaskan untuk melahirkan insan yang bertakwa, yang tunduk kepada kehendak Allah SWT dan RasulNya SAW. Tuntutan belajar bukan hanya untuk menjadi insan berilmu, malah dapat beramal dengan ilmu yang dimiliki, seterusnya menyampaikan ilmu tersebut kepada khalayak ramai. Akhirnya dapat membentuk cerminan sifat dan akhlak mulia serta mencapai matlamat memelihara hubungan dengan Allah SWT dan sesama insan.

2.2. Anekaversiti

Kupasan yang menarik diteruskan dengan menyentuh perbincangan berkaitan situasi yang berlaku selepas pemansuhan sistem binari di mana ia telah membuka lembaran baru yang lebih dinamik bagi dunia pengajian tinggi. Istilah '*academic drift*' dan politeknik, pembudayaan hal-hal berkaitan penyelidikan dan pembangunan serta penawaran kursus berbentuk vokasional bagi memenuhi selera klien yang kian beraneka dibincangkan. Dalam hal lain, turut dikupas impak peningkatan kemasukan pelajar ekoran pendemokrasian pengajian tinggi terhadap pentadbiran dan perjalanan universiti. Antaranya di banyak universiti, jurang nisbah pengajar dan pelajar lebih meluas kerana tenaga pengajar tidak dapat ditambah semudah dan secepat penambahan pelajar. Situasi ini akan mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran serta segala aspek lain yang bersabit dengannya.

Qasim (2022) juga menjelaskan secara terperinci berkaitan tiga pilihan bagi menghadapi cabaran arus pendemokrasian ini berdasarkan saranan yang telah diberikan oleh Robert David Anderson, seorang Profesor Emeritus di Universiti Edinburgh. Pertama ialah dengan mengamalkan pendidikan liberal. Untuk difahami dengan lebih jelas, subjek dalam pendidikan liberal (*general education*) lazimnya merupakan mata pelajaran di luar bidang major para siswa-siswi merangkumi subjek seperti sejarah, falsafah, sains politik, ekonomi, dan sebagainya. Tanpa pendidikan liberal, pandangan pelajar dan ahli akademik akan terperangkap dalam disiplin akademik mereka sendiri yang menghalang pemikiran terbuka. Di Malaysia, pendidikan liberal diterjemahkan atau diaplikasikan dalam program yang dilabel sebagai kursus wajib universiti atau pengajian umum.

Kedua ialah dengan penstrukturan semula sistem binari yang baru. Sesebuah universiti haruslah membuat pilihan sama ada untuk memberi tujahan kepada program yang membina keupayaan intelektual para pelajar atau memberi tumpuan kepada program latihan bagi dunia pekerjaan siswa-siswinya. Maksudnya, terdapat satu aliran universiti yang berfungsi sebagai institusi yang mempertajamkan daya pemikiran para pelajarnya serta menjadi institusi yang melatih golongan pengurus dan pentadbir. Sementara itu, satu aliran lagi berperanan untuk menawarkan kursus berunsurkan vokasional dan praktikal. Cara ketiga dalam mendepani pendemokrasian adalah dengan membiarkan universiti menentukan konsep dan misi mereka sendiri. Kebebasan sesebuah universiti menentukan bentuk dan hala tuju masing-masing akan membuka jalan kepada kewujudan pelbagai atau beraneka laluan universiti yang boleh diistilahkan sebagai '*anekaversiti*'. Berdasarkan prinsip *anekaversiti* ini, universiti tidak akan diasingkan atau dikelompokkan kepada universiti penyelidikan dan universiti am sahaja, tetapi pengasingan atau pembahagian universiti harus lebih pelbagai. Justeru, terdapat universiti di Malaysia yang menggunakan label ini untuk menjelaskan tumpuan dan pengkhususan mereka. Misalnya, ada sesetengah universiti yang kedudukan (*ranking*) antarabangsanya tidak begitu tinggi telah bertindak menonjolkan penarafan sesetengah fakulti atau jabatan akademik mereka yang diiktiraf cemerlang sahaja. Langkah pengecilan atau pengkhususan sebegini membolehkan tahap kecemerlangan sesebuah universiti lebih mudah tercapai. Selain daripada pengasingan berdasarkan fakulti atau disiplin akademik, terdapat pengasingan yang lain seperti *three-tier system* yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan pengasingan melalui sistem *Honours* bagi ijazah pertama dan lain-lain lagi yang turut dibincangkan.

2.3. Pendemokrasian

Dalam Bab ini, Qasim (2022) membahaskan definisi dan konsep pendemokrasian iaitu merujuk kepada dasar yang membuka laluan atau akses kepada pengajian tinggi secara lebih meluas kepada ahli masyarakat, terutamanya kepada golongan yang baru meninggalkan bangku sekolah. Faktor-faktor yang mempengaruhi proses pendemokrasian seperti faktor ekonomi, faktor demografi, pembinaan pesat infrastruktur termasuk rangkaian jalan raya yang kian meluas, peningkatan kadar kelahiran di negara membangun dan pertambahan saiz kelas menengah turut dibincangkan. Selain itu, Qasim (2022) menyenaraikan beberapa agenda dalam pendemokrasian pengajian tinggi melalui pengaplikasian kaedah *Admission Based on Prior Experiential Learning* (APEL), menerapkan konsep pendidikan sepanjang hayat dan mendapatkan bantuan daripada pihak swasta.

Tambahan pula, pihak swasta telah diberikan peluang menubuhkan kolej universiti dan universiti. Universiti awam juga digalakkan menjalinkan kerjasama yang lebih rapat

dengan pihak swasta dan berusaha memperoleh sebahagian dana universiti dari kerjasama tersebut. Di Malaysia, pertumbuhan pesat ekonomi negara pada awal dekad 1990-an turut menyumbang kepada proses pendemokrasian pengajian tinggi. Perkembangan ekonomi ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Demikian itu, penubuhan universiti baru diperlukan bagi menghasilkan lebih ramai pekerja mahir. Antara isu-isu lain yang dibincangkan adalah berkaitan peningkatan kemasukan pelajar wanita berbanding pelajar lelaki. Analisis [Qasim \(2022\)](#) menyatakan pendemokrasian pengajian tinggi turut dikaitkan dengan peluang pekerjaan di mana isu pengangguran menjadi topik perbincangan utama dalam permasalahan ini.

2.4. Pengkomersialan

Bab ini telah memfokuskan perbincangan dalam program pengkomersialan institusi pengajian tinggi. [Qasim \(2022\)](#) telah menggarap laluan perjalanan yang wujud dalam proses pengurusan dan pentadbiran institusi pengajian tinggi sebelum berlakunya pengkomersialan. Ini dilihat bilamana sektor swasta atau universiti awam yang dikorporatkan menjadi pengendali pengajian tinggi, maka mereka tidak lagi setia kepada segala dasar kerajaan terdahulu. Para pelajar diminta agar bersedia 'membeli' produk yang dipasarkan oleh pihak universiti. Pengkorporatan pengajian tinggi ini membawa kepada penghasilan faedah peribadi (*private benefit*) sehingga para pelajar disarankan untuk membayar atau turut menampung sebahagian kos pengajian mereka.

Implikasi pengkomersialan universiti awam yang berlaku antaranya adalah transformasi universiti menjadi sebuah badan perniagaan yang mementingkan untung-rugi dalam mengimbangi kehendak pelanggannya. Ia juga turut membawa kepada peningkatan trend pengajian kakitangan berstatus sementara dan sambilan, malah pensyarah di sesetengah universiti terpaksa mengendalikan kelas yang kian ramai pelajarannya. Berkurangnya kuasa para ahli akademik dan bertambahnya kuasa para pengurus sehingga universiti mula melupakan misi sosialnya dalam menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat serta membina insan berdaya saing, berjiwa patriot dan berintegriti. [Qasim \(2022\)](#) juga menyingkap isu jurang yang tidak sihat di antara tangga gaji para pentadbir utama universiti dengan tangga gaji para pensyarah biasa di universiti. Hal ini membawa konflik dan isu 'kontroversi' lain yang turut dikupas didalam buku ini.

2.5. Pengkorporatan di Malaysia

Dalam bab ini, [Qasim \(2022\)](#) telah mengetengahkan perbincangan berhubung konsep pengkorporatan di Malaysia dengan memberikan justifikasi, kesan dan keperluan akan perkara ini. Pengkorporatan universiti dilihat sebagai satu tanggungjawab sosial yang dipikul untuk kepentingan masyarakat secara keseluruhannya. Matlamat akhirnya ialah untuk mempertingkatkan prestasi universiti dan membantu negara untuk menjadi hub pendidikan serantau. Pengkorporatan ini dibincangkan dengan lebih mendalam melalui penajaan kewangan dan pendapatan sendiri universiti melalui bidang yang berhubung kait dengan '*core business*' universiti tersebut. Hasilnya, selain inisiatif dan tindakan persendirian, beberapa universiti awam telah mengambil langkah secara kolektif untuk memperbaiki keadaan selepas pemotongan bajet kewangan dari pihak kerajaan. Di antara contoh yang dimuatkan dalam buku ini adalah usaha membina konsortium bagi membolehkan perkongsian kepakaran serta pembelian ubatan, peralatan serta kelengkapan secara borong. Untuk itu, universiti yang terlibat ialah universiti yang mempunyai pusat perubatan atau Hospital Latihan seperti Universiti Malaya (UM),

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Teknologi Mara (UITM).

Qasim (2022) selanjutnya membincangkan langkah yang perlu diambil agar pengkorporatan institusi pengajian tinggi di Malaysia bergerak seiring dengan amalan antarabangsa. Antaranya ialah sesebuah universiti perlu mengambil faktor pasaran, yakni soal untung rugi, bersabit dengan jenis kursus yang ditawarkan, golongan pelajar yang diterima masuk serta bentuk penyelidikan yang bakal dikendalikannya. Pihak universiti harus mendapatkan pulangan kewangan daripada kegiatan hariannya melalui pendekatan tersebut.

2.6. Autonomi dan Akauntabiliti

Di dalam bab ini, Qasim (2022) telah membahaskan secara spesifik aspek berkaitan autonomi dan akauntabiliti di institusi pengajian tinggi dengan menyenaraikan kesemua IPTA di Malaysia yang telahpun mempunyai status autonomi sendiri. Selain isu bersabit hal kewangan, hal pemilihan pelajar, penentuan silibus, penggubalan dasar dan pelantikan serta penamatan perkhidmatan kakitangan akademik dan am (*hire and fire*) juga disabitkan dengan autonomi universiti. Istilah dan pengkategorian seperti autonomi kewangan, autonomi akademik dan autonomi pentadbiran berserta corak pengamalannya yang beraneka bentuk diterangkan dengan lebih lanjut.

Qasim (2022) turut menekan takrifan daripada UNESCO berkaitan prinsip autonomi institusi sebagai kebebasan yang sewajarnya, iaitu kebebasan dari campur tangan luar. Kebebasan tersebut bersabit dengan organisasi dan governannya meliputi pengagihan dalaman sumber kewangan dan penjanaaan pendapatan dari sumber bukan awam, pelantikan kakitangan, penetapan syarat tentang skim gaji, dan kebebasan untuk mengendalikan aktiviti pengajaran dan penyelidikan. Perbincangan isu autonomi dan akauntabiliti institut pengajian tinggi turut menyentuh perbandingan amalannya dengan negara luar dan isu kebebasan akademik iaitu merujuk kepada kebebasan para akademia untuk mengendalikan penyelidikan, penulisan, pengajaran dan penjelasan atau ceramah umum dalam bidang pengkhususan atau kepakaran mereka tanpa sekatan atau gangguan dari pihak luar, penguasa politik, entiti perniagaan, organisasi media atau pihak lain. Hal ini membolehkan para ahli akademik meneroka lapangan ilmu pengetahuan tanpa tekanan atau halangan demi menghasilkan penemuan atau idea bernas yang baharu.

2.7. Pengantarabangsaan

Di dalam bab ini, Qasim (2022) menjelaskan dengan lebih lanjut aspek pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi. Pengantarabangsaan pengajian tinggi melibatkan aktiviti akademik yang merentasi sempadan negara dan benua serta dipengaruhi oleh arus globalisasi dunia. Ekonomi dunia berintegrasi sejajar dengan perkembangan sistem dan teknologi maklumat serta komunikasi yang semakin canggih. Ciri keantarabangsaan sesebuah universiti dikira sebagai salah satu elemen penting dalam usaha penarafan global. Ciri keantarabangsaan universiti tidak terhad kepada kewujudan komposisi pelajar dan tenaga pengajarnya yang datang daripada pelbagai negara di dunia semata-mata. Bahkan ia juga merangkumi isu dan cabaran global yang ditangani oleh universiti serta bentuk kerjasamanya dengan pihak lain yang merentasi sempadan nasional. Perbincangan lanjut adalah berkaitan kadar enrolmen pelajar antarabangsa di negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, China, United Kingdom, Australia dan India serta faktor yang menjadi daya tarikan untuk pelajar antarabangsa

melanjutkan pengajian di sesebuah institusi bertaraf global seperti kualiti dan piawaian, peluang pekerjaan yang wujud setelah tamat pengajian serta faktor kestabilan politik dan ekonomi.

Pengantarabangsaan di Malaysia diulas lanjut dari aspek sejarah dan penggubalan Akta Pendidikan Swasta pada tahun 1996. Di Malaysia hasrat pengantarabangsaan ini diterjemahkan dengan kewujudan program berkembar, penubuhan kampus luar pesisir bagi beberapa universiti antarabangsa di Malaysia seperti universiti Monash dan universiti Nottingham serta penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti-universiti swasta. Kupasan turut menyentuh 'status pelajar' dari Bangladesh yang membawa kepada beberapa masalah sosial seperti penyalahgunaan visa, kebanjiran pekerja asing yang menyamar sebagai pelajar serta aktiviti penyalahgunaan dadah.

2.8. Faedah dan Cabaran

Bab ini membincangkan aspek berkaitan faedah dan cabaran yang dihadapi daripada program pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi. Antara faedah yang jelas dilihat adalah faedah ekonomi di mana negara yang menerima kemasukan pelajar antarabangsa yang ramai, akan memperoleh lebih banyak pendapatan melalui pembayaran yuran pengajian. Situasi ini dirasakan oleh kebanyakan negara yang menjalankan dasar pengantarabangsaan termasuklah UK, Australia, Amerika Syarikat, dan juga Malaysia. Faedah lain yang diperoleh antaranya ialah pembinaan hubungan penting dalam konteks budaya, perniagaan dan politik serta mewujudkan kesejahteraan global melalui aktiviti dialog persefahaman dan sebagainya. Di Malaysia, faedah pengantarabangsaan ini antaranya sebagai alat diplomasi yang membantu mempertingkatkan pengaruh Malaysia dalam negara-negara Islam dan ASEAN.

Di antara cabaran lain yang dibincangkan dalam bab ini adalah bagaimana pelajar antarabangsa menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan suasana negara luar. [Qasim \(2022\)](#) turut menekankan isu kesulitan yang dialami oleh pelajar seperti aspek komunikasi, diskriminasi dan juga pengasingan. Demi mempertingkatkan dan merapatkan jurang hubungan di antara pelajar antarabangsa dan pelajar lokal secara umumnya, gesaan telah dibuat agar proses interaksi silang budaya ini diusahakan dengan lebih giat lagi. Tuntasnya, perbincangan bab ini turut melihat aspek politik, ekonomi dan keselamatan sebagai kayu pengukur kepada kejayaan program pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi.

2.9. Pendidikan Transnasional

Seterusnya, [Qasim \(2022\)](#) telah memperkenalkan dan menjelaskan secara terperinci konsep pendidikan transnasional (PTN) atau *Transnational Education* (TNE). Ia merupakan suatu kaedah atau cara penyampaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk validasi, *franchise*, jarak jauh, dalam talian, ijazah berkembar dan dwijazah, pensyarah kunjungan, mod campuran (*blended learning*) dan kampus luar pesisir. Kaedah ini tidaklah terhad kepada yang disenaraikan ini sahaja, malah ia sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa. Prinsip umum PTN ini ialah pelajar boleh mengikuti pengajian untuk mendapatkan kelulusan ataupun pengiktirafan dari luar negara (melalui ijazah/diploma/dan lain-lain peringkat/kursus) tanpa meninggalkan negara pemastautin mereka. Setiap kaedah yang disenaraikan ini telah dikupas satu persatu sehingga dapat memberi kefahaman yang luas berkaitan aspek pelaksanaannya. Seterusnya, [Qasim \(2022\)](#) turut membincangkan PTN yang dijalankan di negara

'pengeksport' utama seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia. Antara kritikan yang dibincangkan adalah kurangnya tumpuan kepada pelajar domestik dan kualiti pendidikan di kampus luar pesisir yang berbeza dengan kampus induk.

2.10. Isu Bahasa Inggeris

Qasim (2022) meneruskan perbincangan dengan menyentuh isu Bahasa Inggeris di institusi pengajian tinggi. Di awalnya, Qasim (2022) telah merungkai kegelisahan para pensyarah di Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom terhadap isu kelemahan bahasa Inggeris pelajar antarabangsa. Implikasi daripada kelemahan berbahasa Inggeris melibatkan kesan negatif dalam pengajian, soal imej dan prestasi, integriti serta prospek bidang pekerjaan yang bakal diceburi pelajar apabila bergraduasi. Manakala, secara khususnya akan berlaku penurunan standard akademik dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran, kebergantungan pelajar antarabangsa dalam melengkapkan tugas penulisan dari mereka yang cekap berbahasa Inggeris, imej dan nama baik universiti tercalar serta menyulitkan bakal majikan mereka kelak.

Kesan yang paling serius apabila berlakunya jenayah akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa ini. Pelajar yang terbelenggu dengan permasalahan bahasa Inggeris akan memilih jalan pintas untuk menyelesaikan kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Jalan pintas tersebut ialah mendapatkan perkhidmatan agensi penulisan esei dan tesis. Isu penipuan ini turut membongkar isu lain berhubung-kait ujian kemahiran bahasa Inggeris yang tidak dikendalikan secara jujur atau terdapat sindiket yang membantu para pemohon dengan cara penipuan. Kelemahan berbahasa Inggeris ini turut melibatkan ramai pelajar domestik. Pihak kerajaan dan majikan telah menyuarakan kebimbangan sama ada universiti kini mampu menghasilkan graduan dengan keupayaan literasi bahasa Inggeris yang memadai bagi tujuan pengajian lanjutan dan bidang pekerjaan. Isu lain seperti plagiarisme di Malaysia seperti yang berlaku di Barat turut dibincangkan selain cadangan menegaskan landasan etika yang seharusnya menjadi tunjang utama dalam dunia pendidikan tinggi.

2.11. Isu-Isu Berkaitan

Dalam bab akhir ini, Qasim (2022) mengupas perspektif baharu dalam melihat isu-isu terkini dunia pendidikan institusi pengajian tinggi. Antaranya ialah *Massive Open Online Courses* (MOOC). MOOC adalah satu lagi inisiatif ke arah pendemokrasian pengajian tinggi yang diusahakan pada dekad ini. Pencetusnya percaya melalui penggunaan sesawang internet global, akses kepada kursus yang ditawarkan oleh para pembekal akan menjadi mudah dan rancak. Banyak universiti di Malaysia tidak ketinggalan dalam menyahut aspirasi ini termasuklah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Walau bagaimanapun, MOOC ini gagal untuk menjadi realiti seperti yang diimpikan. Meskipun jumlah kemasukan pelajar melalui MOOC adalah tinggi, peratus pelajar yang menamatkan kursus adalah amat rendah (Emanuel, 2013).

Isu etika dan tatasusila ahli akademik dan siswa juga menjadi topik perbincangan di mana dalam setiap majlis konvokesyen yang diadakan saban tahun, para graduan sentiasa diingatkan agar berakhlak mulia dan memberi sumbang bakti kepada ibu bapa, masyarakat dan negara. Walaupun begitu, aspek ini mengundang kebimbangan kerajaan sekiranya nilai ini tidak diaplikasikan sepenuhnya oleh para graduan. Pemodenan negara dan institusi pendidikan tidak seharusnya menjadikan isu ini 'enteng' pada pandangan semua, kerana etika dan tatasusila yang digabung-jalin adat ketimuran yang kaya dengan

akhlak dan sahsiah perlu menjadi keutamaan. Turut dibincangkan adalah situasi terkini Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang dilihat sedang mengalami krisis sepertimana yang dialami oleh institusi pengajian tinggi di Barat. Antaranya adalah masalah integriti disebabkan isu salah laku akademik berhubung aspek penyelidikan dan penerbitan, masalah kewangan akibat pemotongan dana dari pihak kerajaan, usaha meningkatkan kecemerlangan pengajian tinggi, impak COVID-19 dan banyak lagi isu berkaitan pendemokrasian, pengkorporatan dan pengantarabangsaan universiti.

3. Analisis Kritis

Secara kritisnya, karya 'emas' yang dihasilkan ini menelusuri hal ehwal berkaitan pendidikan tinggi yang dikenali sebagai '*universitas magistrorum et scholarium*' iaitu pusat komuniti sarjana bijak pandai dan cendekiawan. Komuniti yang terhimpun disini harus mempunyai genetik keilmuan dan bebas dari kebungkaman minda. Di sinilah pusat berprestij melahirkan jiwa bangsa yang dicanai akal fikiran, digilap keterampilan serta diasah kemahirannya. Ironinya buku ini ibarat ensiklopedia yang memberi maklumat secara spesifik berhubung pusat ilmu, hala tuju, cabaran dan anjakan paradigma melalui ledakan teknologi dan digitalisasi yang memacu perubahan serta tuntutan era baharu ekonomi dan dampak sosio-politik sedunia. Persoalannya, apakah perancangan strategik dan wawasan bersepadu Malaysia menghadapi tuntutan ini? apakah sinergi negara serantau dalam menjadi hub pendidikan nombor satu Asia dan mengekang kebergantungan kepada negara-negara Eropah? Bersediakah Malaysia mendepani pendidikan dalam arus revolusi 5.0 sekaligus mengekalkan acuan budaya berbangsa dan agama?. Analisis kritis yang dijalankan ini mengambil kira isu-isu utama yang dipilih daripada ulasan buku untuk dibincangkan dengan lebih lanjut seperti berikut;

3.1. Universiti sebagai Pusat Latihan dan Pendidikan Graduan

Secara khususnya, inti pati dari buku ini antaranya berfokus kepada huraian bagaimana universiti menempatkan graduan mereka di pasaran kerja, kebanjiran graduan, pengangguran dan permasalahan pinjaman pendidikan. Universiti dilihat sebagai institusi pendidikan tinggi yang bertujuan untuk membentuk warganegara yang terlatih dan berkemahiran, serta menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ini terbukti melalui peranan universiti dalam mendidik siswa yang berakhlak tinggi, kaya dengan budi pekerti, dan menggilap kemahiran mereka dari aspek interpersonal dan keyakinan diri (Marzuki et al., 2021). Manakala menurut Norain dan Noorah (2012), universiti berupaya menghasilkan komuniti berpendidikan tinggi dan mempunyai pelbagai bentuk pengetahuan yang sangat diperlukan. Antaranya adalah kemahiran kognitif dan bukan kognitif termasuklah kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah serta sikap yang positif (Abu Said, 2018). Dengan demikian, universiti membentuk individu yang tidak hanya mahir dalam bidang tertentu, tetapi juga dilengkapi dengan kemahiran insaniah yang penting untuk berjaya dalam kehidupan (Mohd Zamri, 2012).

Pengalaman belajar di universiti memberi kesan positif terhadap pembangunan analitikal, kritikal dan kreativiti dalam diri pelajar (Tuan Rahayu et al., 2020). Bahkan, kajian oleh Muhammad Hazrul (2012) menunjukkan bahawa universiti sering berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan menyediakan program-program yang lebih praktikal dan relevan dengan keperluan industri. Walaupun usaha-usaha ini dilakukan, masih wujud jurang dalam menyesuaikan keperluan pasaran kerja yang sentiasa berubah dengan cepat dengan penawaran kursus yang ada di

universiti. Akhirnya kebanjiran graduan dalam pasaran kerja berlaku. Seterusnya, senario ini akan mengakibatkan persaingan yang lebih sengit dalam pasaran kerja terutama dalam bidang utama yang popular (Hamidah et al., 2017); dan boleh mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai kebolehan atau kelayakan yang unik untuk bersaing. Kadar pengangguran graduan boleh memberi kesan negatif kepada ekonomi dan masyarakat secara keseluruhan. Hal ini juga berlaku disebabkan oleh ketidaksepadanan antara kemahiran graduan dengan keperluan pasaran kerja, kurangnya pengalaman kerja yang relevan, atau kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai (Nurulizza & Borhan, 2022).

3.2. Institusi Pengajian Tinggi dan Penerapan Nilai Agama

Selain itu, pentingnya menyelaraskan pendidikan dengan nilai dan matlamat agama, terutamanya dalam konteks universiti di negara Islam. Penyelarasan pendidikan tinggi dengan asimilasi nilai-nilai agama Islam memainkan peranan penting dalam membentuk identiti Islam yang kukuh di kalangan golongan muda (Norliza & Hidayat, 2021). Sekiranya perkara ini berlaku, golongan muda yang terdiri daripada pelajar dapat didedahkan tentang tuntutan dan tanggungjawab sebagai individu beragama Islam yang memainkan peranan dalam pembentukan masyarakat berakhlak mulia (Ruslan et al., 2020). Malahan, kajian menunjukkan pendidikan yang selaras dengan nilai-nilai agama Islam dapat meningkatkan kepuasan dan makna hidup pelajar (Munirah et al., 2022). Ini membuktikan bahawa pendidikan dengan nilai agama tidak hanya penting dari segi pembangunan akademik, tetapi juga berupaya menyokong perkembangan psikososial dan kesejahteraan holistik pelajar (Zuraidah et al., 2019). Di samping itu, penerapan nilai agama lazimnya meliputi aspek-aspek asas dalam Islam seperti akidah, syariah dan akhlak yang membentuk peribadi pelajar yang baik (Ahmad Munawar, 2012). Dalam pandangan lain, Ruzman et al. (2014) menyatakan graduan masih mengalami keruntuhan akhlak walaupun mencapai prestasi akademik yang baik. Ini dapat dilihat dalam perubahan gaya hidup dan tingkah laku. Demikian itu, pentingnya bagi institusi-institusi pendidikan untuk terus beradaptasi dengan situasi semasa dan dalam masa yang sama masih menyemai nilai Islami dalam 'kampus barakah' mereka.

3.3. Cabaran Utama Institusi Pengajian Tinggi

Seterusnya, isu di institusi pendidikan tinggi dilihat sangat kompleks beserta cabaran dalam menyesuaikan dengan perubahan semasa landskap pendidikan global. Ini dapat dilihat melalui peningkatan trend dalam kalangan pelajar terhadap akses pembelajaran sendiri yang menggunakan teknologi digital (Geoffrey et al., 2024). Hal ini mencetuskan cabaran yang besar kepada institusi pendidikan tinggi untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang relevan dan menarik minat pelajar. Tambahan pula, perkembangan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence-AI*) turut memberi impak yang besar kepada landskap pendidikan tinggi. Jika di amati, teknologi AI telah mengubah cara pengajaran dan pembelajaran semasa, termasuklah cabaran dalam mengintegrasikan teknologi ini ke dalam kurikulum dan kaedah pengajaran yang sedia ada di dalam kelas (Salbihana et al., 2023).

Selain itu, fenomena "*academic drift*" juga merupakan cabaran yang serius dihadapi oleh institusi pendidikan tinggi. Terdapat perbincangan tentang perbezaan peranan dan misi antara universiti dan politeknik. Pada asalnya, politeknik cenderung menawarkan kursus yang lebih praktikal dan memfokuskan kepada kemahiran teknikal sahaja (Muzafar & Nur Hidayah, 2018), manakala universiti lebih memfokuskan kepada aspek akademik dan

penyelidikan. Namun begitu, perkembangan pesat politeknik telah membawa kepada peningkatan cakupan pelajaran yang dipanggil fenomena "*academic drift*". Fenomena ini memberi perubahan kepada politeknik untuk memperluaskan lagi penawaran kursus dalam bidang-bidang yang lain. Bahkan, kajian oleh [Mohd Jalil et al. \(2015\)](#) mendapati terdapat kecenderungan untuk mengalih tumpuan dari pendidikan vokasional dan praktikal di politeknik kepada program-program akademik yang lebih berorientasikan penyelidikan. Hal ini selari dengan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 yang menggariskan bahawa politeknik perlu menghasilkan pelajar yang berkualiti tinggi dengan penyediaan pendidikan dan latihan bertaraf dunia ([Limi & Crispina, 2023](#)).

3.4. Pemeriksaan Pendidikan Vokasional

Dalam kupasan lain turut membincangkan pengukuhan semula sistem binari (iaitu sistem yang memberi penekanan kepada aspek pendidikan teknikal dan vokasional). Malaysia, dalam hal ini dilihat telah terkehadapan memacu usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan memperkasakan pendidikan vokasional sebagai alternatif kepada pendidikan akademik. Menurut [Abdullah et al. \(2023\)](#), landskap pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia telah mengalami perubahan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Usaha untuk memartabatkan Pendidikan dalam bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ini telah menjadi agenda utama kerajaan Malaysia ([Ridzuan & Abd Rahman, 2022](#)). Bahkan, terdapat permintaan yang tinggi terhadap pendidikan vokasional, terutamanya dalam usaha untuk mengurangkan jurang kemahiran dan memenuhi keperluan pasaran kerja ([Mohd Jalil et al., 2015](#)). Dalam mencapai hasrat ini, Malaysia juga telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penawaran pendidikan vokasional sebagai pilihan alternatif terbaik kepada pengajian akademik. Implikasinya, pemilihan seperti program sekolah menengah teknik dan vokasional (SMKV) dan pengajian vokasional di peringkat pengajian tinggi seperti kolej vokasional turut mendapat sambutan yang baik dari pelajar serta masyarakat setempat ([Muhd Khaizer, 2020](#)).

3.5. Pendemokrasian Institusi Pengajian Tinggi

Aspek lain yang menjadi anjakan paradigma masa kini adalah implikasi pendemokrasian pengajian tinggi secara meluas bagi memudahkan akses kepada pendidikan tinggi. Hal ini kerana, pendemokrasian pengajian tinggi membolehkan lebih banyak individu dari pelbagai lapisan masyarakat untuk mendapatkan manfaat dari pendidikan tinggi. Dapatan kajian [Fatin dan Farah \(2021\)](#) juga telah mencadangkan institusi pengajian tinggi (IPT) melakukan perubahan dalam sistem pendidikan mereka agar selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang berlaku di seluruh dunia. Pendemokrasian pengajian tinggi membawa perubahan dalam profil pelajar universiti termasuk peningkatan jumlah pelajar dewasa. Oleh itu, universiti perlu menyediakan persekitaran yang sesuai dan kondusif kepada pelajar dari pelbagai lapisan usia. Ini kerana, persekitaran yang kondusif mengikut takrif *United States Department of Education* (USDE) adalah satu persekitaran yang menarik dengan reka bentuk yang sempurna dan mengambil kira penghuni serta aktiviti di dalamnya ([Shuhana, 2007](#)).

Dalam pada itu, isu pengangguran graduan yang kedengaran agak 'klise' masih menjadi kebimbangan meskipun pendemokrasian pengajian tinggi telah merintis lebih banyak peluang pekerjaan. Peningkatan jumlah siswazah yang tidak seimbang dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat telah mengakibatkan masalah pengangguran dalam kalangan graduan ([Nurulizza & Borhan, 2022](#)). Oleh itu, mencapai titik keseimbangan

antara nisbah graduan dan intensiti pasaran pekerjaan adalah penting bagi mengelakkan sebarang masalah pengangguran yang akan timbul (Ishak et al., 2008). Secara kontradiksinya, tiket menjadi graduan bukanlah jaminan kepada mendapat pekerjaan, kerana pencapaian dalam bidang akademik juga merupakan faktor utama untuk graduan memperoleh pekerjaan yang diingini (Adi Irfan et al., 2014).

Pada masa yang sama, peningkatan jumlah pelajar wanita dalam institusi pengajian tinggi juga menjadi satu isu penting yang perlu diberi perhatian kerana ia berkait rapat dengan pencapaian. Ini dilihat melalui dapatan kajian oleh Hanita dan Norzaini (2018) bahawa jumlah kemasukan pelajar wanita yang tinggi ke universiti juga menyebabkan peratus pencapaian akademik pelajar wanita adalah jauh lebih baik berbanding pelajar lelaki. Jika diamati, faktor ini juga rentetan daripada kecenderungan pelajar lelaki yang lebih tertumpu untuk memilih bidang praktikal atau vokasional berbanding pelajar perempuan yang lebih tertarik menceburi bidang pendidikan atau berkaitan perubatan (Zalizan et al., 2014). Bagi mengatasi senario yang membungkam ini, Munir (2017) telah menyatakan bahawa program seperti “*search and rescue*” amatlah disarankan sebagai usaha untuk menarik minat pelajar lelaki ke institusi pengajian tinggi. Hal ini bagi memacu kesetaraan gender di institusi pendidikan tinggi (Hazlina, 2017).

3.6. Peranan Institusi Pengajian Tinggi Membangun Masyarakat

Antara isu yang menarik untuk dikupas adalah peranan universiti sebagai gedung ilmu dan bukanlah terhad dalam kehidupan di dalam kampus sahaja. Malah, istilah menara gading yang disemai sejak dahulu lagi membawa makna kepada peri pentingnya entiti ini kepada kebajikan awam dan kemajuan negara. Universiti bukan sahaja dianggap sebagai ‘*Khutub Khanah*’ tetapi bertanggungjawab dalam menyumbangkan idea dan pemikiran demi kebaikan masyarakat serta untuk melonjakkan pencapaian ekonomi negara. Hal ini disokong oleh kajian Abdul Nasir (2022) yang mendapati bahawa IPT sentiasa bertindak progresif dalam usaha melahirkan graduan yang berdaya saing serta mendapat tempat dalam industri. Ini juga ditunjukkan melalui fungsi IPT dalam menyokong program-program pembangunan keusahawanan melalui Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi 2021-2025. Dalam pandangan lain, Ahmad Shabery (2010) menjelaskan bahawa dasar pendekmorasian universiti telah merintis konsep keterbukaan yang memberi ruang kepada universiti dan graduan untuk berkongsi manfaat kepada masyarakat ibarat ‘*sireh pulang ke gagang*’. Dalam masa yang sama, tempias positif turut diraih oleh pihak universiti apabila graduan yang bergelar alumni (lepasan universiti tersebut) memberi sumbangan kembali kepada pihak universiti dengan kepakaran yang diperolehi. Hal ini memperlihatkan prinsip timbal-balik (*reciprocality*) masing-masing dalam memberi manfaat di antara satu sama lain.

3.7. Pengkorporatan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Di samping itu, isu pengkorporatan institusi pengajian tinggi yang berlaku di Malaysia asbab peralihan trend baharu dunia akademik yang tercetus di banyak negara Eropah seperti di United Kingdom dan lain-lain negara dunia. Pengkorporatan institusi pengajian tinggi telah menyebabkan perubahan budaya dan objektif universiti. Jika ditelusuri, dasar pengkorporatan universiti awam pada tahun 1998 (mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1996-Akta A946) telah diperkenalkan dengan tujuan untuk memastikan universiti bergerak dalam momentum yang efektif dan pantas. Pengkorporatan ini terbukti membantu perjalanan pengurusan universiti menjadi lancar apabila dapat mengelak kerenah birokrasi, kekangan peraturan dan prosedur perkhidmatan awam

yang ketat (Suharmi et al., 2019). Namun demikian, dasar pengkorporatan universiti ini juga telah melucutkan kuasa autonomi universiti dan menyebabkan pihak universiti perlu mendapat kelulusan kerajaan terlebih dahulu dalam hal ehwal yang melibatkan pengurusan universiti dan peruntukan kewangan (Wan & Sirat Morshidi, 2018).

Selain itu, isu jurang yang tidak sihat di antara tangga gaji para pentadbir utama universiti dengan tangga gaji pensyarah biasa di universiti juga timbul. Hal ini mencetuskan konflik antara pentadbir universiti dan pensyarah biasa serta perubahan kuasa dan penetapan keputusan di universiti (Ruzman et al., 2014). Situasi yang tegang ini mempengaruhi prestasi kerja serta memberi kesan buruk terhadap prestasi penyelidikan dalam kalangan pensyarah (Okey, 2019; Akinmayowa & Kadiri, 2016). Lain-lain isu seperti kewangan, aspek pemilihan pelajar, penentuan kurikulum serta pengurusan kakitangan akademik dan pentadbiran juga merupakan sebahagian daripada hasil pengkorporatan yang memberi perubahan kepada autonomi universiti (Husaina et al., 2015). Hal ini secara tidak langsung memberi petunjuk bahawa pengurusan universiti tidak lagi bergantung sepenuhnya pada pihak kerajaan dan pihak luar.

3.8. Konsep Pengantarabangsaan Universiti

Analisis dibuat secara mendalam berhubung konsep pengantarabangsaan dalam pengajian tinggi dengan menyoroti peranan penting globalisasi dalam proses tersebut. Penekanan kepada integrasi ekonomi dunia dan kemajuan teknologi sebagai pendorong utama aktiviti pengantarabangsaan dalam pendidikan tinggi berlaku. Hal ini dikupas dan dibincangkan dalam kajian Irma et al. (2017), yang menggariskan bahawa universiti berhadapan dengan cabaran pengantarabangsaan yang semakin kritikal, terutamanya dalam mencapai penetapan penilaian prestasi (*Key Performance Index*-KPI). Impak pengantarabangsaan ini juga menyebabkan pelajar cenderung untuk mencari pengalaman pendidikan di luar negara kerana peluang yang ditawarkan oleh universiti-universiti luar negara lebih menarik (Halina & Andreas, 2018). Lebih-lebih lagi, universiti kini lebih berminat untuk menarik kemasukan pelajar antarabangsa dan menawarkan program-program yang relevan secara global untuk memenuhi permintaan dan akreditasi pasaran antarabangsa (Muhammad Safuan et al., 2021). Hal ini kerana, pengiktirafan global dan peluang pekerjaan yang cerah antara syarat utama yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam melanjutkan pengajian mereka (Abd Hair et al., 2012).

4. Rumusan dan Refleksi

Dengan pengalaman yang luas sebagai pensyarah universiti dalam bidang sejarah dan pentadbiran institusi, Qasim (2022) telah mempersembahkan suatu karya akademik yang padat dan kaya dengan maklumat, gaya penulisan santai yang mudah difahami dan berkesan di hati pembaca. Terdapat unsur-unsur pensejarahan menerusi buku ini apabila Qasim (2022) membincangkan aspek perkembangan dan proses pendemokrasian, pengkomersialan, serta pengantarabangsaan di institusi pengajian tinggi Malaysia dan Barat. Ianya digarap dengan sangat terperinci dari segi kronologi perkembangan, implikasi serta pelan tindakan sesuatu peristiwa.

Buku ini merupakan satu bahan bacaan yang harus dimiliki oleh individu yang berkenaan bagi mengetahui proses pembangunan, pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan tinggi negara secara jelas. Ia juga sangat sesuai dijadikan bahan rujukan kepada pentadbir universiti dan ahli akademik (pensyarah universiti) dalam mengaplikasi segala

kepakaran yang dimiliki untuk meningkatkan keupayaan dan potensi universiti masing-masing, seterusnya mampu meletakkan institusi pengajian tinggi di Malaysia setaraf dengan institusi pengajian tinggi di Barat. Selain itu, buku ini amat relevan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam merangka strategi perancangan, pelan tindakan, inisiatif dan polisi berkaitan untuk pengajian tinggi negara, sekaligus dapat membantu kerajaan Malaysia untuk memperkemaskan hala tuju sesebuah institusi pengajian tinggi, membuka lebih banyak peluang pendidikan kepada masyarakat dan menambah baik taraf setiap warga pendidiknya supaya mereka dapat mencapai kesejahteraan dan kegembiraan sebagai pensyarah universiti.

5. Kesimpulan

Buku ini dapat memberi panduan dan membantu dalam penyelidikan yang berkaitan dengan pendidikan tinggi pada masa akan datang. Analisis yang mendalam tentang fenomena seperti pengantarabangsaan, pendemokrasian dan pengkorporatan institusi pengajian tinggi memberi kesedaran dan perspektif baru tentang perubahan dan cabaran yang dihadapi dalam dunia pendidikan tinggi. Tuntasnya, buku ini memberi wadah ilmu yang signifikan untuk diperhalusi oleh pembaca. Rangkaian kesinambungan antara bab di susun atur dengan baik dan secara terperinci bagi mengupas isu yang dihadapi di universiti dan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembangunan sebuah universiti serta aspek pengurusannya. Di antara isu-isu yang sering diperkatakan berkaitan institusi pengajian tinggi adalah kebolehpayaan universiti menempatkan graduan mereka di pasaran kerja, kebanjiran graduan, perbezaan pendemokrasian antara universiti, pengangguran dan permasalahan pinjaman pendidikan. Malah penglibatan isu pendemokrasian, pengkorporatan dan pengantarabangsaan menjadi gagasan utama universiti untuk membangun dan mentadbir dengan baik. Ringkasnya, buku ini perlu dimiliki oleh setiap mereka yang berada di arena dan gelanggang akademia bagi melihat arus dan merangka hala tuju profesion, membangun tadbir-urus, merangka visi serta misi ampuh mendepani pelbagai cabaran mendatang dalam usaha memastikan signifikansi pendidikan tinggi di Malaysia dapat dilestarikan kepada generasi masa hadapan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abd Hair, A., Zaimah, R., & Izzurazlia, I. (2012). Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6),32-41.

- Abdullah, D., Che Rus, R., Mustapha, R., & Omar, R. (2023). Persepsi Terhadap Tahap Pelaksanaan Teori, Amali dan Kemahiran Teras Dalam Program Kolej Vokasional.. *Association of Researcher of Skills and Vocational Training, Malaysia*, 57-62.
- Abdul Nasir, A. G. (2022). *Pendidikan Hingga Ke Menara Gading: Dipandang Sepi atau Kekal Relevan?*. UMPSA. Dicapai pada 13 Jun 2024. <https://news.umpsa.edu.my/experts/pendidikan-hingga-ke-menara-gading-dipandang-sepi-atau-kekal-relevan>
- Abu Said, M. (2018). Tinjauan Faktor-faktor Pendorong Kejayaan Kerjaya Ahli Akademik: Konteks Universiti Penyelidikan di Malaysia. *Sosiohumanika*, 5(2), 185-202
- Adi Irfan, C. A., Khaidzir, I., Azizan A., Kadir, A., & Mohd Zulhanif, A. R. (2014). New Framework for Universiti Kebangsaan Malaysia Soft Skills Course: Implementation and Challenges. *International Education Studies*, 7(8).
- Ahmad Shabery Cheek. (2010). Semangat 1Belia 1Malaysia: Asas Agenda Hari Ini dan Akan 'Datang. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 7-16.
- Ahmad Munawar, I., Zakaria, S., & Siti Aishah, S. (2012). Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari*, 143-154.
- Akinmayowa, J. T., & Kadiri, P. A. (2016). Stress among academic staff in a Nigerian university. *Covenant Journal of Business and Social Sciences*, 6(1).
- Emanuel, E. J. (2013). MOOCs taken by educated few. *Nature*, 503, 342.
- Fatin, I. M. T., & Farah, H. A. B. (2021). Pendidikan Digital Era Ri 4.0 Dalam Pendidikan Islam. *International Conference On Syariah & Law*, 436-451.
- Geoffrey, F. C. L, Norshamshizar, A. J., & Marlissa, O. (2024). Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan: Cabaran Guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics* 8(1), 49-67
- Halina, S. M. Y., & Andreas, T. (2018). Perbandingan Pengalaman Antara Budaya Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah dalam Satu Dekad 2006-2016. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 250-270.
- Hamidah, N., Rohailin, Z., Siti Zuraydah, M. J., & Rusyda, Y. (2017). Personaliti Graduan Yang Menjadi Tarikan. Organisasi. *Journal of Business Innovation*, 2(1), 53-61.
- Hanita, M. Y., & Norzaini, A. (2018). Pencapaian Akademik Murid Lelaki Dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran Dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Introduction*, 15(2), 257-287
- Hazlina, A. (2017). Address gender imbalance before it gets worse. *New Straits Times*. Retrieved from 13 June 2024. <https://www.nst.com.my/news/2017/02/212554/address-gender-imbalance-it-gets-worse>
- Husaina, B. K., Ranjeetham, S., Muhammad Faizal, A. G. (2015). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Kuala Kangsar, Perak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(4), 62-82.
- Irma, W. O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., & Herlina, J. (2017). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan Dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 11, 98-108.
- Ishak, Y., Rahmah, I., & Robiah, S. (2008). Graduan dan alam pekerjaan: kes siswazah UKM. *Akademika*, 72, 3-24.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2023, Januari 19). *Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025*. Kementerian Pengajian Tinggi. <https://mohe.gov.my/hebahan/banner/pelan-tindakan-pendidikan-tinggi-malaysia-2022-2025>
- Limi Chong & Crispina Gregory K Han. (2023). Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11, 73-80.

- Marzuki, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Mohd Nor, N. M., & Othman, I. W. (2021). Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 90-100.
- Mohd Zamri, I. (2012). *Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Di Kolej Antarabangsa IKIP*. [Ijazah Sarjana], Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Zulfakar, M. N. (2021). Perkembangan dan Cabaran Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(6), 169-177.
- Mohd Jalil, A., Noor Hisham, J., & Annas Akhmal, H. (2015). TVET di Malaysia: Cabaran dan Harapan [TVET in Malaysia: Challenges and hopes]. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Hazrul, I. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding PERKEM VII*, 2, 906 – 913.
- Muhd Khaizer, O. (2020). *TVET Pertanian: Aspirasi Dan Kelestarian Sejangat*. E-Buletin MySASE.
- Muhammad Safuan, Y., Irma, W. O., & Mohd Kamal, M. S. (2021). Falsafah Pelan Strategik Universiti Awam Malaysia Melalui Pengalaman Ahli Akademik Dalam Mencorak Reputasi Universiti Sebagai Hub Kecemerlangan Akademik Di Persada Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 56-73.
- Munir, S. (2017, February 10). *Boys in Malaysian Higher Education Institutions: Where art thou? Inequality in Higher Education. Meeting the Challenge in Malaysia*, [Seminar Presentation]. Seminar on Southeast Asia 2017, Sunway University, Selangor, Malaysia.
- Munirah, M., Andi, A., Atika, A., & St Rajjah, R. (2022). Penerapan Nilai-Nilai Agama Islam Pada Peserta Didik Melalui Metode Pembiasaan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2(1)
- Muzafar, M. Y., & Nur Hidayah, M. (2018). Refleksi Pelajar Terhadap Keberkesanan Kursus Latihan Industri: Kajian Kes Pelajar Politeknik Muadzam Shah. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 46-54.
- Newman, J. H. (1852). *The idea of university*. London: Longmans, Green, and Co.
- Norain, M. L., & Noorah, Y. (2012). Universiti, Pembangunan Modal Insan Dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi Di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 308-327.
- Norliza, H., & Hidayat, A. (2021). Pendidikan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Murid. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 22-33.
- Nurulizza, H., & Borhan, S. A. (2022, April 21). *Faktor-Faktor Peningkatan Kadar Pengangguran Di Malaysia Ketika Pandemik Covid-19*. Open Education Resources Centre @ UMS. https://oer.ums.edu.my/handle/oer_source_files/1878
- Okey, S.-M. (2019). Influence of Lecturer-Management Conflict on Job Performance Effectiveness of University Lecturers in Cross River State. *Nigeria. Discovery*, 55(279), 96-99.
- Qasim, A. (2022). *Pengajian Tinggi, Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan*. UM Press.
- Ridzuan, M. R., & Abd Rahman, N. A. S. (2022). The Analysis of The Government Policy on Technical and Vocational Education and Training (TVET) And The Predicaments of TVET in Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 53-58.
- Ruslan, H., Farid, M. Z., Kaseh, A. B., Azmul, F. K. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 126-141.

- Ruzman, M. N., Rahim, M. D. R. A. A., Abd Majid, M. K., Ali, M. D. A. K., Kadir, N. A. A., Jaafar, S. M. J. S., & Yusof, N. (2014). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 12(1).
- Salbihana, S., Syed Syahrul, Z. S. A., Halif, M. S., & Ahmad, S. A. (2023). *Pengetahuan Bakal Guru Tentang Ai Dalam Pendidikan*. Conference Paper, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn.
- Shuhana, S., Ahmad, B. S., Hasanuddin, L., Norsiah, A. A., Rozeyta, O., & Masliyana, M. N. (2007). *Kriteria Reka Bentuk Persekitaran Kampus Yang Kondusif Bagi Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*. Project Report. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru.
- Suharmi, I., Nurulhuda, A. M., & Faridah, J. (2019). Kajian undang-undang tadbir urus universiti bagi pembangunan masyarakat Malaysia. *Akademika*, 89(2), 93-103.
- Tuan Rahayu, T. L., Mohd Aderi, C. N., & Mohd Isa, H. (2017). Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 15-28.
- Wan, C. D. & Sirat Morshidi. (2018). The evolution of corporatisation of public universities in Malaysia. In Shin, J. C. (Ed.), *Higher Education Governance in East Asia: Transformations under Neoliberalism* (pp. 89-105). Springer Nature Singapore Pte Ltd.
- Zalizan, M. J., Amla, S., Norzaini, A., Rohana, J., Ramlah, H., Izwan, M. Zaleha, A.H., Hanizah, H., & Hutkemri. (2014). Perbezaan gender dalam sokongan pembelajaran dan pencapaian akademik peranan perantara keterlibatan murid di sekolah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11, 237-262.
- Zuraidah, A., Siti Nafsiah, I., Salwati, S., Mohd Shahril, N. S., & Muhammad Faizal, A. G. (2019). Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin Di Sekolah-Sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44-70.